

Tasawur Pembangunan Masyarakat Madani (T-PMM): Satu Analisis

The Development Worldview (Tasawur) of Madani Society (T-PMM): An Analysis

Siti Jalilah Ahmad¹, Mohd Shukri Hanapi^{2*}

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang, MALAYSIA

*Corresponding Author: hshukri@usm.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/jts.2025.17.01.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 11 Disember 2024
Diterima: 1 Mei 2025
Diterbitkan: 30 Jun 2025

Kata Kunci

Tasawur pembangunan, masyarakat,
madani,

Abstrak

Pembangunan masyarakat madani merupakan suatu bukti dinamika intelektual muslim dalam usaha memaknai ajaran Islam dan pengadaptasiannya dalam segenap ruang kehidupan. Wacana masyarakat madani telah terbentuk dalam tempoh waktu yang panjang dan cuba dijelmakan untuk memenuhi ciri-ciri sebuah masyarakat yang bertamadun. Secara umumnya, fokus kepada pembangunan masyarakat madani adalah pembinaan negara kota yang beracuankan tasawur Islam yang tulen. Walau bagaimanapun, perbincangan secara khusus mengenai acuan atau tasawur pembangunan masyarakat madani (T-PMM) ini masih belum dilakukan. Maka timbul persoalan, apakah T-PMM ini? Disebabkan masyarakat madani ini dilihat sebagai salah satu daripada pendekatan pembangunan berteraskan Islam (PBI), maka apakah T-PMM ini patut dibina berdasarkan tasawur PBI? Bagi menjawab semua persoalan ini, kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis semua data sekunder yang dikumpul untuk mengenal pasti T-PMM yang sebenar. Sebagai hasilnya, kajian ini mendapati T-PMM patut dibina berdasarkan T-PBI. Oleh itu, dicadangkan satu kerangka T-PMM yang sepatutnya diaplikasikan dalam segala aktiviti pembangunan masyarakat madani.

Keywords

Development worldview (tasawur),
society, madani society, discourse

Abstract

Development of the Madani society is unquestionable evidence of Muslim intellectual dynamism in efforts to interpret Islamic teachings and its adaptation as well as application in all spheres of life. Discourse on the Madani society has evolved over a long time and it has tried to embody the characteristics of a civilized society. In general, focus on the development of the Madani society basically concerns the construction of a city-state based on a genuine Islamic worldview. However, specific discussions about the mould or worldview concerning the development of the Madani society (T-PMM) has yet to materialise. Hence, what is T-PMM? Since the Madani society is presumed to be one of the Islamic-based development approaches (PBI), thus, should the T-PMM be designed based on the PBI concept? In order to answer these questions, this

qualitative study used the content analysis method to analyse all the secondary data collected to identify the real T-PMM. Findings indicate that T-PMM should be built based on T-PBI. Therefore, it is proposed that a T-PMM framework should be applied in all Madani society-related development activities.

1. Pendahuluan

Perbincangan mengenai kejatuhan peradaban Islam muncul ketika era Nahdah (kebangkitan) di Timur Tengah dan era penjajahan Barat ke atas dunia Islam. Nahdah merupakan sebuah gerakan politik dan budaya yang berusaha untuk menghidupkan kembali budaya dan peradaban Arab setelah mengalami zaman kemunduran yang lama (Ahmad Kamal Zulkhairi et al., 2023). Tamadun Islam mengalami tempoh kebekuan yang begitu lama selepas kejatuhan al-Muwahhidun pada abad ke-15 Masihi. Malek Bennabi (1991) menjelaskan bahawa kebekuan ini merebak ke dunia Islam melalui pemikiran sosial masyarakat Islam seperti salah tafsir kehidupan beragama dengan meninggalkan kehidupan dunia serta mengabaikan ilmu-ilmu seperti sains dan kejuruteraan. Selain itu, kolonialisme penjajahan Barat juga menjadi faktor yang menyumbang kepada kebekuan peradaban Islam (Abdul Razak et al., 2022).

Rentetan daripada itu, pelbagai usaha dan solusi cuba dilaksanakan oleh para ulama dan juga umara (para pemimpin) untuk membangun kembali peradaban yang kian malap. Proses pembangunan tamadun seharusnya bermula dengan penekanan terhadap aspek spiritual dalam pembinaan manusia dan masyarakat seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW (A. Haris, 2009). Kepentingan unsur rohaniah dan jasmaniah dalam menggerakkan perkembangan sesebuah tamadun akan memetakan susunan baharu ketamadunan yang mengangkat darjat kemuliaan insan (Ibrahim, 1998). Hal inilah yang cuba dicapai melalui Gagasan Masyarakat Madani yang diperkenalkan kembali oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1995 ketika beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia (TPMM) (Ayub, 2023).

Pembangunan masyarakat madani menurut Al-Attas (1998) adalah keadaan kehidupan insan dalam bermasyarakat yang telah mencapai taraf kehalusan tatasusila dan kebudayaan yang luhur berteraskan prinsip-prinsip keyakinan, kebenaran, keadilan dan tanggungjawab. Pembangunan masyarakat madani bertujuan mencapai sa'adah (kebahagiaan) iaitu tahap tertinggi dalam kesedaran dan keyakinan insan terhadap kebenaran din yang dibawa oleh agama Islam. Hal ini bertepatan dengan matlamat pembangunan Islam iaitu untuk mencapai kemajuan yang menyeluruh, baik daripada aspek material, emosional, mentaliti dan juga spiritual (A. Haris, 2012).

Walaupun pembangunan masyarakat madani telah dibincangkan pada peringkat tertinggi negara, namun perbincangan-perbincangan oleh ahli akademik tempatan masih sedikit dan tidak dikembangkan dengan meluas dalam pelbagai aspek (Jaafar & Aziz, 2023). Tumin dan Che Soh (2020) menegaskan bahawa perbincangan mengenai masyarakat madani di peringkat antarabangsa juga masih bersifat relatif tanpa membezakan antara konsep masyarakat madani dengan masyarakat sivil oleh Barat. Hal ini mewujudkan gap (kelompangan) kajian yang besar dan menghalang perkembangan pembangunan masyarakat madani yang seharusnya merangkumi segenap dimensi kehidupan masyarakat. Misalnya, bidang kajian berkaitan tasawur masyarakat madani kerana ia merupakan asas utama dan tunjang kepada pembangunan masyarakat madani (Ahmad & Hanapi, 2024).

Oleh itu, hal ini menimbulkan persoalan mengenai apakah tasawur pembangunan masyarakat madani (T-PMM) yang sebenarnya? Apakah sumber dan elemen-elemen yang membentuk T-PMM ini? Adakah T-PMM ini sesuai digunakan untuk pembangunan umat Islam? Justeru, kajian awal ini dilihat sebagai satu inisiatif yang dilakukan untuk mencari dan meneroka satu kerangka T-PMM.

T-PMM ini amat penting untuk dikaji kerana ia merupakan acuan dan tunjang dalam pembangunan masyarakat madani. T-PMM yang dimaksudkan ini perlu dibina berdasarkan acuan Islam yang tulen tanpa dipengaruhi unsur-unsur pemikiran akomodatif-modifikasi dengan sifat elektisme-metodologik yang menerima dan mengolah pendekatan bukan Islam untuk dijadikan bentuk pemikiran Islam serta memilih perkara-perkara yang dirasakan baik dari pelbagai sumber dan menggunakannya secara kolektif dalam Islam (Salleh, 2002 & 2003). Sekiranya T-PMM yang dibina adalah berdasarkan pendekatan akomodatif-modifikasi dengan sifat elektisme-metodologik ini, maka ia tidak beracukan tasawur Islam yang hakiki. Hal ini akan membawa kepada kegagalan untuk membangunkan kembali peradaban Islam secara holistik daripada akar-umbinya.

2. Metodologi Penyelidikan

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang hanya menggunakan data sekunder. Disebabkan semua data dalam kajian ini berbentuk dokumen, maka ia dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Pengumpulan data sekunder bertujuan meneliti konsep tasawur pembangunan berteraskan Islam (T-PBI), tasawur masyarakat madani mengikut perspektif barat dan Islam. Penelitian dilakukan berdasarkan data yang dikumpulkan daripada sumber sekunder iaitu kajian-kajian dan karya-karya terdahulu yang berkaitan seperti tesis, jurnal dan penulisan-penulisan berkaitan T-PBI, tasawur masyarakat madani mengikut perspektif barat dan Islam.

Seterusnya, dalam proses penganalisan data yang dikumpul itu, kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini. Kaedah analisis kandungan merupakan satu metode penyelidikan kualitatif yang menggunakan interpretasi subjektif terhadap kandungan data dalam bentuk teks dengan proses pengklasifikasian pengkodan sistematik dan mengenal pasti corak pengkodan serta tema (Ismail, 2022). Bagi tujuan ini, penyelidik menganalisis data yang dikumpul dan membahagikannya mengikut tema-tema kajian. Analisis kandungan kualitatif ini adalah menepati keperluan kajian ini kerana penyelidik akan meneliti kajian-kajian dan karya-karya berkaitan T-PBI, tasawur masyarakat madani mengikut perspektif barat dan Islam.

3. Hasil dan Dapatan Perbincangan

Dalam bahagian ini, perbincangan dibahagikan kepada lima bahagian mengikut tema-tema kajian yang disorot. Kelima-lima bahagian ini diperincikan seperti berikut:

3.1 Tasawur Pembangunan Berteraskan Islam (PBI)

Sorotan kajian-kajian lepas berhubung tasawur PBI ada dibincangkan sebelum ini, namun tidak begitu meluas serta tertumpu kepada beberapa aspek sahaja. Antaranya, Hanapi (2012; 2013; 2014a; & 2015a) menjelaskan bahawa pembangunan yang beracukan tasawur Islam adalah pembangunan yang bersifat komprehensif, bersepadu dan seimbang. Kemajuan hanya memberi makna kepada pembangunan yang disusun dan dirangka sesuai dengan pandangan alam Islam kerana mempunyai tujuan dan matlamat yang jelas (Al-Attas, 2007). Hal ini dikuatkan dengan kenyataan Salleh (2002 & 2003), bahawa tasawur Islam merupakan acuan yang paling utama dalam PBI yang menentukan tujuan dan hala tuju kehidupan manusia. Tasawur Islam sebagai prinsip pertama menjadi kerangka asas yang membina enam prinsip PBI yang lain iaitu manusia sebagai pelaku pembangunan; alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan; ilmu *fard 'ain* sebagai kerangka pembangunan; ibadah sebagai perkaedahan pembangunan; sumber alam sebagai peralatan pembangunan dan *mardat Allah* sebagai matlamat akhir pembangunan.

Melihat kepada betapa pentingnya fungsi tasawur terhadap sesuatu disiplin ilmu, satu kajian tasawur pembangunan dalam al-Qur'an telah dilaksanakan Hanapi (2012; 2013; 2014a; & 2015a) bagi mengetengahkan elemen-elemen konsep tasawur pembangunan secara terperinci dan sistematik. Keunggulan tasawur PBI berbanding tasawur pembangunan lazim dikenal pasti adalah berdasarkan empat kriteria utama iaitu sumber; elemen asas; tunjang; tempoh masa dan matlamat akhir (Hanapi, 2014a). Namun yang demikian, perbincangan tasawur PBI dalam makalah ini hanya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, sumber tasawur PBI. Kedua, elemen asas dan tunjang tasawur PBI.

3.2 Sumber Pembentukan Tasawur PBI

Tasawur PBI dibentuk daripada epistemologi Islam iaitu bersumberkan wahyu yang terdiri daripada al-Qur'an dan hadis. Keistimewaan kedua-dua sumber ini sebagai *al-adillah al-qat'iyah* (bukti yang tidak dapat dipertikaikan kebenarannya) kerana terkandung dalamnya segala pandangan alam Islam meliputi hal-hal yang zahir mahupun perkara ghaib. Sumber wahyu ini akan membimbing akal manusia dalam memutuskan sesuatu keputusan berbentuk ijtihad yang terdiri daripada *al-ijma'* dan *al-qiyas* iaitu *al-adillah al-ijtihadiyyah* (pandangan yang diperoleh daripada kesungguhan berfikir) (Hanapi, 2014a).

Hanapi (2012; 2013; 2014a; & 2015a) menyenaraikan enam elemen tasawur PBI berdasarkan al-Qur'an iaitu *al-tawhid* (keEsaan Allah), *al-'ubudiyyah* (pengabdian diri/beribadah kepada Allah), *khalifah fi al-ard* (khalifah di muka bumi), *mawarid al-tabi'i* (sumber alam), *al-azminat* – '*alam al-ruh*, '*alam al-dunya* wa '*alam al-akhirah* (tempoh masa yang merangkumi alam roh, alam dunia dan alam akhirat), dan *mardat Allah* (keredhaan Allah). Tasawur pembangunan yang lahir daripada sumber ilmu Islam yang utama merupakan tasawur pembangunan yang hakiki. Kajian yang dilakukan juga telah memperkemaskan lagi disiplin ilmu pembangunan berteraskan Islam dengan terbinanya konsep tasawur PBI.

Wan Mokhtar (2016) pula menjalankan kajian mengenai tasawur pembangunan dalam al-Hadis dengan menggunakan kaedah kajian hadis *al-mawdu'iy*. Hadis merupakan sumber epistemologi Islam yang kedua selepas al-Qur'an yang berperanan sebagai penghurai, pentafsir, penguat, pengumum, pengkhusus, penambah dan penerang kepada al-Qur'an. Wan Mokhtar (2016) telah menemukan lima ciri khusus tasawur PBI berdasarkan hadis iaitu *al-rabbaniyyah* (ketuhanan); *al-insaniyyah* (kemanusiaan); *aljam' bayn al-thabat wa al-murunah* (gabungan antara statik dengan fleksibel); *al-wasatiyyah* (kesederhanaan); dan *al-syumuliyyah* (komprehensif). Kelima-lima ciri tersebut yang membentuk tujuh elemen pembangunan berdasarkan hadis. Al-Qur'an dan hadis menjadi rujukan dalam membimbing manusia untuk menjalani kehidupan sepenuhnya berdasarkan pandangan alam Islam. Kajian-kajian tersebut juga membuktikan bahawa pandangan Barat yang menyatakan ajaran al-Qur'an dan hadis tidak sesuai diamalkan terhadap dunia moden hari ini adalah tidak tepat.

3.3 Elemen Asas T-PBI



Rajah 1 Elemen pembangunan berteraskan islam


Sumber: Penyusunan penulis

Rajah 1 menerangkan tentang konsep Pembangunan Berteraskan Islam (PBI). PBI terbina terdiri daripada tiga elemen utama iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT sebagai Pencipta (*habl min Allah*); hubungan manusia sesama manusia sebagai makhluk; dan hubungan manusia dengan alam keseluruhannya sebagai makhluk (*habl min al-nas*). Salleh (2002 & 2003) menjelaskan bahawa manusia berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Kriteria manusia sebagai hamba itu adalah tunduk dan patuh, mengikut dan menurut, taat dan setia, menyerahkan diri kepada Allah SWT dan bersujud kepada-Nya. Bagi kriteria manusia sebagai khalifah Allah SWT pula, mereka berinteraksi sesama manusia dan sumber alam dengan penuh rasa tanggungjawab, amanah, berakhlak dan penuh beretika. Hal ini sesuai dengan peranan mereka sebagai khalifah Allah SWT yang ditugaskan untuk memakmurkan muka bumi ini (Hanapi, 2015b). Secara ringkasnya dapat difahami bahawa hubungan manusia dengan Allah SWT adalah sebagai hamba (hubungan menegak) dan hubungan manusia sesama manusia dan sumber alam adalah sebagai khalifah (hubungan mendatar) (Hanapi, 2015b).

Khosim, Hanapi dan Ibrahim (2022), mendapati bahawa kesejahteraan hidup insan akan dapat dinikmati di samping memenuhi tuntutan *habl min-Allah* dan *habl min al-Nas* berpandukan pembangunan insan yang beracukan tasawur Islam. Aspek-aspek tasawur pembangunan insan berteraskan Islam iaitu bersumberkan epistemologi Islam; meliputi unsur rohani, intelektual, emosi, jasmani dan sosial; proses bermula seawal kehidupan insan; dan berpandukan tujuh prinsip utama PBI perlu dicermati serta diperteguh untuk memastikan proses pembangunan yang bersepadu terlaksana. Dengan ini, fungsi manusia sebagai pelaku PBI mempunyai matlamat yang jitu serta jelas berkaitan pembangunan dalam kehidupan iaitu untuk mencapai keberkatan Allah SWT dan memperoleh kejayaan yang hakiki (*al-falah*) (Yahaya & Hanapi, 2020). Namun demikian, kejayaan ini tidak akan berhasil jika tidak berpaksikan tauhid kepada Allah SWT.

Tauhid merupakan asas yang menjadi tunjang kepada segala elemen dalam tasawur PBI dengan meletakkan Allah SWT sebagai Pencipta. Tauhid bukan sekadar mengakui dan mempercayai keesaan Allah SWT, tetapi juga beriktikad dengan sepenuh hati bahawa Allah SWT merupakan Pencipta, Pemilik, Penguasa, Pentadbir dan Pengurus seluruh alam ini. Ajaran tauhid merupakan prinsip dasar dalam ajaran Islam dan juga seruan yang disampaikan oleh setiap Nabi dan Rasul utusan Allah SWT agar umatnya mengesakan Allah SWT dan meninggalkan segala penyembahan kepada selain Allah SWT (Sari & Alfatah, 2021). Dengan kefahaman yang jelas terhadap paradigma tauhid ini, maka perspektif pembangunan yang beracukan tasawur PBI menjadikan manusia sebagai hamba Allah SWT yang bersifat holistik serta berkemampuan untuk menguruskan kehidupan dengan lengkap (Hanapi, 2014a & 2014b).

Paradigma tauhid menjadi asas kepada pelbagai bentuk PBI seperti dalam pembangunan Negara Zikir di Brunei Darul Salam. Hanapi (2015b) mendapati konsep Negara Zikir dibangunkan berpaksikan Tauhid sebagai elemen-elemen asas yang bercirikan tasawur PBI. Negara Zikir merupakan pembangunan sebuah Negara Islam yang melaksanakan segala tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah dalam segala aspek meliputi aspek kepimpinan, pemerintahan, pentadbiran, politik, undang-undang, keadilan dan kesaksamaan sistem sosial, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Hal ini selari dengan pembangunan komuniti Islam Ban Nua di Utara Hatyai, Thailand yang telah dirangka mengikut acuan tasawur Islam. Tiga elemen asas pembangunan komuniti Islam Ban Nua ialah ibadah, khalifah dan imarah. Ketiga-tiga elemen tersebut melengkapi hubungan elemen-elemen asas kepada tasawur Islam (Hanapi, 2014b).



Rajah 2 *Komponen indeks syariah di Malaysia*

Sumber: *Penyusunan penulis*

Seterusnya adalah kajian terhadap indeks syariah di Malaysia yang disusun mengikut lima komponen *maqasid al-syariah* iaitu pemeliharaan agama; jiwa; keturunan; akal dan harta. Dalam penelitian terhadap indeks syariah di Malaysia, Hanapi (2015c) merumuskan pembinaan serta perlaksanaannya adalah berdasarkan konsep tauhid yang menepati acuan tasawur PBI serta bertunjangkan tasawur Islam yang tulen. Hal ini amat penting untuk dikenal pasti agar tidak bercampur dengan tasawur pembangunan lazim yang akan menjadi halangan kepada penyempurnaan *maqasid al-syariah*. Selain itu, penelitian turut dijalankan ke atas tiga jenis indeks pembangunan lazim, iaitu indeks pembangunan ekonomi (IPE), indeks pembangunan sosial (IPS) dan indeks pembangunan lestari (IPL) oleh Wan Hassan dan Hanapi (2014). Hasil kajian mendapati indeks PBI tidak boleh dibina berasaskan acuan indeks pembangunan lazim. Indeks PBI mestilah dibina beracukan tasawur Islam. Sesuatu indeks pembangunan itu tidak boleh dikatakan indeks PBI jika ia tidak dibina beracukan tasawur Islam.

Justeru, bagi pembinaan tasawur masyarakat madani yang dibincangkan dalam artikel ini, maka diguna pakai elemen-elemen utama tasawur Islam yang menjadi acuan kepada pembinaan tasawur PBI sebelum ini. Inilah yang menjadi fokus dan penumpuan perbincangan dalam artikel ini.

3.4 Perkembangan Pemikiran Masyarakat Madani

Menurut Abdullah et al. (2023), pemikiran masyarakat madani telah pun diketengahkan oleh para cendekiawan Islam zaman silam, iaitu bermula daripada al-Farabiy (878-950), Ibn Miskawayh (936-1030) dan Ibn Khaldun (1332-1406) menerusi karya-karya mereka. Al-Farabiy (878-950) merupakan pelopor utama yang mencetuskan idea madani dalam disiplin ilmu falsafah melalui kitab yang dikarang oleh beliau iaitu Kitab *al-Siyasah al-Madaniyyah*. Perbincangan maksud madani dan konsepnya dikembangkan melalui proses kematangan ilmu yang akhirnya cenderung kepada satu disiplin yang lebih tersusun iaitu cabang disiplin ilmu ketatanegaraan (Bakar, 1998). Putri (2020) dan Abdullah et al., (2023) pula berpandangan al-Farabiy (878-950) dalam karyanya memfokuskan ilmu madani sebagai ilmu ketamadunan dan peradaban. Beliau cenderung memerihalkan berkaitan bagaimana manusia mengatur dan mengurus sistem kehidupan yang efisien untuk memenuhi tuntutan duniawi dan ukhrawi. Dengan keseimbangan yang dicapai dalam menguruskan kehidupan ini akan membawa kepada penubuhan negara madani berpaksikan sumber wahyu dan menjadi panduan utama kepada pembentukan negara kota (Bakar, 1998). Al-Farabiy (878-950) membahagikan masyarakat madani kepada dua kategori. Pertama, bagi tahap rendah iaitu anggotanya bekerjasama, tolong menolong untuk mendapatkan habuan material dan kepuasan diri. Kedua, pada tahap tertinggi anggota masyarakat madani berganding bahu untuk membina sebuah peradaban dengan kebenaran, kebahagiaan, cintakan ilmu dan menggalakkan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat (Ayub, 2023).

Kemudian, Ibn Miskawayh (936-1030) dalam penulisannya bertajuk *al-Hawamil wa al-Syawamil* dan al-Fawz al-Asghar membincangkan masyarakat madani dengan merujuk kepada konteks pembandaran dan kemakmuran yang dikecapi dengan cara bekerjasama dalam menjaga kebajikan rakyat untuk membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun (Bakar, 1998; Ayub, 2023). Senada dengan Ibn Miskawayh (936-1030) ialah Ibn Khaldun (1332-1406) dalam magnum opusnyanya *al-Muqaddimah* turut memberikan makna kepada kalimah *madaniyyah* sebagai peradaban dan kemakmuran hidup yang berkait erat dengan proses ketamadunan manusia (Ayub, 2023).

Lebih sedekad yang lalu, pemikiran masyarakat madani telah diperkenalkan kembali setelah jauh meninggalkan wacana perbincangan 16-abad di belakang oleh Ibn Khaldun. Hidayat (2008), Syahminan (2009), Muslih (2010), Dacholfany (2012), Yaacob (2013), Muhammad (2017), dan Ayub (2023) menyatakan pemikiran masyarakat madani kembali diperkenalkan di Nusantara pada tahun 1995 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika lawatan beliau di Jakarta, Indonesia. Syarahan beliau di sana membawakan topik Gagasan Masyarakat Madani (GMM) mendapat sambutan dalam kalangan ahli intelektual dan masyarakat awam. GMM ini disambut oleh pelbagai pertubuhan Islam dan intelektual Muslim yang progresif (Yaacob, 2013). Fenomena ini juga dapat dirasai di Malaysia pada awal tahun 1990-an. Sekumpulan cerdik pandai Islam khususnya dalam pertubuhan Islam seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang mengambil serius terhadap gagasan yang dibawa ini kerana Malaysia turut menerima kesan daripada GMM sebagai suatu bentuk idea Islamisme di medan politik kerana YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada ketika itu menjawat jawatan selaku TPM Malaysia dan juga mantan Presiden ABIM.

Kesan daripada berkembangnya konsep *civil society* (masyarakat sivil) berasaskan ideologi modeniti di Barat, masyarakat menghadapi kekeliruan untuk membezakan antara masyarakat madani dengan masyarakat sivil. Kekeliruan ini terjadi kerana penggunaan istilah *civil society* dalam bahasa Inggeris, *mujtama' madaniy* dalam bahasa Arab dan juga masyarakat madani dalam bahasa Melayu diterjemahkan sebagai satu maksud yang sama (Khalik, 2012; Jaafar & Aziz, 2023).

Al-Attas (1998) menyanggah penyatuan makna terhadap istilah masyarakat madani dan masyarakat sivil kerana berasal daripada dua peradaban yang berbeza serta mempunyai matlamat yang saling bertentangan antara satu sama lain. Tambahan pula, Madjid (1999) yang merupakan salah seorang ilmuwan terkemuka di Indonesia juga bersependapat dalam menyatakan perbezaan antara masyarakat madani dengan masyarakat sivil. Hasilnya, wacana masyarakat madani di nusantara kembali bersandarkan kepada asas-asas ketamadunan yang dibentuk oleh sejarah peradaban Islam (Sazali, 2022). Definisi masyarakat madani difahami sebagaimana pengertian yang diberikan oleh Al-Attas (1998) dari sudut terminologi dan merujuk kepada Kota Madinah sebagai perlambangan daripada peradaban Islam yang dibina oleh Rasulullah SAW buat pertama kalinya (Hidayat 2018; Syahminan 2009; Hamali, 2011; Dacholfany, 2012; Yaacob, 2013; Mawardi, 2015; Muhammad 2017; dan Najiyah & Millatina, 2019).

3.5 Tasawur Pembangunan Masyarakat Madani (T-PMM)

Pengkajian Muslih (2010) dan Hamali (2011) mendapati bahawa terdapat lima kriteria masyarakat madani iaitu kebebasan individu untuk berpartisipasi dalam masyarakat; toleransi yang tinggi antara penganut agama; pluralisme dari segi kemajmukan hidup bermasyarakat; keadilan sosial terhadap setiap warga negara; dan konsep demokrasi. Ngundi (2012) membahagikannya kepada 14 elemen iaitu ketuhanan; integrasi; sistem demokrasi; pembangunan; terjalin hubungan antara NGO dan masyarakat; kreativiti; kesetiaan; kebebasan; kedamaian; tolong-menolong; toleransi; keseimbangan; berilmu pengetahuan; dan berakhlak mulia. Selain itu, Dacholfany (2012) menyatakan bahawa terdapat empat ciri yang menjadi persamaan antara masyarakat madani dengan masyarakat sivil iaitu kebebasan; keadilan; demokrasi; dan pengaruh egalitarianisme. Dacholfany (2012) dan Mawardi (2015) menyebut bahawa masyarakat madani akan terbina dengan adanya kemahuan berpolitik di peringkat negara; komitmen politik yang kuat dari masyarakat; dan masyarakat madani yang kuat, mandiri dan beradab.

Berbeza dengan kajian sebelum ini, Farhan (2021) mengkaji tasawur masyarakat madani dari perspektif ilmuwan Islam kontemporari berdasarkan Kitab *Nahwa Al-Mujtama' Islamiy* karya Sayyid Qutb. Tasawur masyarakat madani menurut interpretasi pengkaji daripada Kitab tersebut perlu berakar umbi daripada al-Qur'an dan al-Sunnah untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam kini. Antara ciri tasawur masyarakat madani yang dikenal pasti adalah berdasarkan ketauhidan; istiqomah; komprehensif; keseimbangan; optimis; pragmatis; dan kesatuan. Selain itu, kajian Ismail (2023) pula berkaitan keseragaman tema-tema yang membentuk tasawur masyarakat madani menurut al-Ghazaliy berdasarkan Kitab *al-Tibr al-Masbuk fi nasihah al-Muluk*. Kitab ini membincangkan persoalan-persoalan kesufian dalam konteks pentadbiran negara. Terdapat empat tema yang dikenal pasti dalam Kitab tersebut yang menyamai empat daripada enam prinsip Madani yang diperkenalkan oleh YAB. Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu kesejahteraan; hormat; yakin; dan ihsan. Oleh itu, kajian Ismail (2023) ini merumuskan bahawa pembinaan tema-tema yang menjadi tasawur kepada masyarakat madani dibincangkan dari sudut ilmu tasawuf oleh al-Ghazaliy.

Pelbagai ciri dan elemen yang digariskan untuk memetakan T-PMM. Walau bagaimanapun, sesuatu pelaksanaan itu tidak boleh dikatakan sebagai T-PBI selagi bercampur aduk antara tasawur lazim (Hanapi, 2014c). Hal inilah yang dikatakan sebagai mengakomodatif dan memodifikasikan konsep *civil society* dalam gagasan masyarakat madani yang dirasakan tidak bertentangan dengan syariat Islam, lalu diguna pakai dalam T-PMM.

T-PMM secara umumnya berasaskan pandangan alam Islam dengan menolak pengaruh sekularisme seperti yang dipasakkan dalam konsep masyarakat sivil oleh Barat (Ibrahim, 1998). Masyarakat madani dalam tradisi

Islam mengambil makna sempena Kota Madinah al-Munawarah sebagai bukti sebuah peradaban masyarakat yang tunduk dan patuh (*dana-yadinu*) kepada ajaran agama (*din*). Di sinilah tertegaknya segala hukum agama bersumberkan ajaran Islam dan kemakmurannya dijemakan melalui keluhuran akhlak masyarakat di dalamnya (Al-Attas, 1998).

Gambaran masyarakat madani tersebut selari dengan kenyataan Furqon (2022) yang menyatakan masyarakat madani adalah masyarakat yang terkandung pada perwataannya *din al-Islam* secara holistik dalam seluruh struktur kehidupan meliputi aspek politik, komunikasi dan hubungan sosial; baik yang berkaitan dengan bidang ekonomi; pendidikan; tradisi; etika; sains; hukum; dan bahkan dalam konteks negara. Inilah bentuk T-PMM yang hakiki kerana melengkapi tiga elemen asas tasawur Islam iaitu hubungan manusia dengan Allah SWT sebagai Pencipta (*habl min Allah*); hubungan manusia sesama manusia sebagai makhluk; dan hubungan manusia dengan alam keseluruhannya sebagai makhluk (*habl min al-nas*).

4. Penutup

Berdasarkan keseluruhan perbincangan ini, didapati belum ditemui kajian yang memfokuskan sepenuhnya mengenai T-PMM. Walaupun ada beberapa kajian yang menjurus ke arah itu, namun ia perbincangannya hanya secara rawak dan tidak menyeluruh. Oleh itu, dengan kelompangan yang ada ini perlu dilakukan kajian yang mendalam berkaitan T-PMM. Berikutan daripada itu, terdapat kajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang sedang dilakukan mengenai T-PMM berdasarkan Kitab *al-Muqaddimah* oleh Ibn Khaldun. Selain itu, terdapat juga kajian yang dilakukan oleh pasukan penyelidik dari Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengkaji berkaitan "*Pembinaan Kerangka Baharu T-PMM*". Kajian ini di bawah Geran *Fundamental Research Grant Sceme* (FRGS) tajaan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil awal daripada penyelidikan di bawah Geran *Fundamental Research Grant Sceme* (FRGS) [203.CISDEV.6712159] yang bertajuk "*Pembinaan Kerangka Baharu Tasawur Pembangunan Malaysia-Madani (T-PMM)*" untuk tempoh 1 Oktober 2023-30 September 2026.

Konflik Kepentingan

Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan dengan penerbitan kertas ini.

Sumbangan Penulis

Siti Jalilah Ahmad telah menyumbang secara signifikan dalam artikel ini menerusi penulisan dan analisis kandungan terhadap data sekunder, pembentukan kerangka Tasawur Pembangunan Masyarakat Madani (T-PMM). Manakala Mohd Shukri Hanapi telah memberikan sumbangan dalam merangka persoalan kajian dan semakan akhir keseluruhan artikel.

Rujukan

- Abdul Razak, A. Q., Ab Halim, A., Ahmad, Z. & Othman, N. (2022). Kepentingan Teori Kitaran Malek Bennabi Kepada Tamadun Hari Ini, *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 90-100.
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/E-Jitu/article/view/20989>
- Abdullah, S., Hussin, N. S., Tunku Ahmad, T. S., Rose, N. N., Basir, S. N. A., Azmin, A. A. & Ramli, A. J. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. Kertas kerja ini dibentangkan di *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*. Penerbit UniMAP Universiti Malaysia Perlis. https://penerbit.unimap.edu.my/images/pdf/SUTERA2023/SUTERA_2023_239-249.pdf
- Ahmad Kamal Zulkhairi, M. A. A., Mohd. Salleh, N., Shaharuddin, S. A & Mokhtar, R. (2023). Konsep Kejatuhan Peradaban Islam Menurut Islamis, Modernis dan Orientalis Pada Abad ke-18 hingga ke-20. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 4(7), 436-449.
<https://doi.org/10.47548/ijistra.2023.71>
- Ahmad, N & Hanapi, M. S. (2024). Analisis Bibliometrik Terhadap Kajian Berkaitan Masyarakat Madani Dalam Pengkalan Data Mycite. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 266-277.
<https://attarbawiy.kuis.edu.my/index.php/jurnal/article/view/208>
- Al-Attas, S. M. N. (1998). Masyarakat Madani Malaysia: Satu Gagasan. Dlm Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Ed), *Masyarakat Madani: Satu Tinjauan Awal* (ms. 15-28). *Malaysians Institute of Developments Strategies* (MINDS).

- Al-Attas, S. M. N. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ayub, M. K. (2023). *Idealisme Politik Membangun Malaysia Madani: Visi, Cabaran dan Pelan Strategik*. IIUM Press.
- A. Haris, K. M. (2009). Faktor Kegemilangan Tamadun Islam: Pengajaran Dari Masa Lalu. *Jurnal Hadari*, 2, 13-21. <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12209>
- A. Haris, K. M. (2012). Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Jurnal Hadari* 4(1), 23-48. <https://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/view/12344>
- Bakar, O. (1998). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. Dlm. Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Eds.), *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*, (53-62). Institut Strategi Pembangunan Malaysia.
- Bennabi, M. (1991). *Islam Dalam Sejarah Dan Masyarakat*. Terjemahan. Ismail Ahmad. Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dacholfany, M. I. (2012). Konsep Masyarakat Madani Dalam Islam. *Jurnal Pemikiran Islam (AKADEMIKA)*, 17(1), 47-74. <https://e-journal.ejournal.metrouniv.ac.id/akademika/article/view/213>
- Farhan, A. (2021). Masyarakat Madani Dalam Kitab Nahwa Al-Mujtama Islami Karya Sayyid Quthb. *Tarbawi: Jurnal Pendidikan dan Keagamaan*, 9(1), 53-64. <https://www.journal.stitdarulhijrahmtp.ac.id/index.php/Tarbawi/article/view/63>
- Furqon, A. (2022). *Civil Society Vis a Vis Masyarakat Madani*. *Jurnal Pemikiran Politik Islam*, 1(1), 1-20. <https://jurnal.uinsu.ac.id/index.php/moderateelsiyasi/article/view/11016>
- Hamali, S. (2011). Sikap Keagamaan Dan Pola Tingkah Laku Masyarakat Madani. *Al-AdYaN*, VI(2). <https://dx.doi.org/10.24042/ajsla.v6i2.498>
- Hanapi, M. S. (2012). Tasawur Pembangunan dalam al-Quran: Kajian Tafsir *al- Mawdu'iy*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hanapi, M. S. (2014a). *Tasawur Islam dan Pembangunan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hanapi, M. S. (2014b). Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Kes Komuniti Islam Ban Nua, Hatyai, Thailand. *Journal of Techno Sosial*, 5(1). 59-69. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1108>
- Hanapi, M. S. (2015a). *A Content Analysis on Verses Related with Development Worldview in the Qur'an*. *Sains Humanika*, 5(3), 87-98.
- Hanapi, M. S. (2015b). Tasawur Pembangunan Negara Zikir. Kerta kerja yang dibentangkan di *Bengkel RUT-ISDEV Ke-5*, Universiti Sains Malaysia.
- Hanapi, M. S. (2015c). Islamic-Based Development Index (Ibd-I) Worldview: A Case of The Malaysian Syariah Index (MSI). Kertas kerja yang dibentangkan di *First Asia Pacific Conference on Advanced Research (APCAR-2015)*, South Australia. https://apiarpublications.com/wp-content/uploads/2015/08/APCAR_BRR7431.pdf
- Hanapi, M. S. (2017). Tasawur Teori Pembangunan Lazim: Analisis daripada Perspektif Tasawur Islam. *Jurnal Hadhari*, 9 (1), 49-61. <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/issue/view/962>
- Hidayat, M. (2008). Ormas Keagamaan Dalam Pemberdayaan Politik Masyarakat Madani (Telaah Teoritis-Historis). *Komunitas: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam*, 4(1).
- Ibrahim, A. (1998). Islam dan Pembentukan Masyarakat Madani. Dlm Institut Strategi Pembangunan Malaysia (Ed), *Masyarakat Madani: Satu Tinjauan Awal* (ms. 7-13). *Malaysians Institute of Developments Strategies* (MINDS).
- Ismail, M. H. (2023). Konsep Masyarakat Madani Dalam Pemikiran Politik Imam Al-Ghazali. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Akidah Dan Pemikiran Islam Peringkat Antarabangsa 2023 (SAPIA23)*, UNISZA.
- Ismail, R. (2022). *Metodologi Penyelidikan: Teori dan Praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jaafar, N. K. & Aziz, A. (2023). Epistemologi Masyarakat Madani dan Masyarakat Sipil: Mengenal Pasti Jurang Penyelidikan Melalui Tinjauan Literatur Sistematis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(10), 1-9. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i10.2552>
- Khalik, A. T. (2012). Masyarakat Madani Dan Sosialisme. *Jurnal TAPIS*, 8(2). <https://dx.doi.org/10.24042/tps.v8i2.1563>
- Khosim, N., Hanapi, M. S. & Ibrahim, A. (2022). Tasawur Pembangunan Insan Berteraskan Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 130-142. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1162>
- Madjid, N. (2019). *Khazanah Intelektual Islam*. Ikraq.

- Mawardi, I. (2015). Dimensi-Dimensi Masyarakat Madani: Membangun Kultur Etika Sosial. *CAKRAWALA*, 10(2), 156-174. <https://journal.unimma.ac.id/index.php/cakrawala/article/view/81>
- Muhammad, N. (2017). Masyarakat Madani Dalam Perspektif Al-Quran. *Al-Mu'ashirah*, 14(1), 23-30. <http://dx.doi.org/10.22373/jim.v14i1.2235>
- Muslih, M. (2010). Wacana Masyarakat Madani: Dialektika Islam dengan Problem Kebangsaan. *Jurnal TSAQAFAH*, 6(1).
- Najiah, F & Nur Millatina, A. (2019). Pembangunan Ekonomi Islam Pada *Civil Society* Dan Masyarakat Madani. *Jurnal Manajemen Dan Bisnis Indonesia*, 5(1), 9-20. <http://jurnal.unmuhjember.ac.id/index.php/JMBI/article/view/2579>
- Ngundi, A. 2012. Peran Umat Islam Dalam Mewujudkan Masyarakat Madani Di Indonesia: (Konsep Dan Strategi Mewujudkan Kesejahteraan Umat Yang Demokratis, Adil, Dan Makmur). *Jurnal Ilmiah Mimbar Demokrasi*, 11(2), 87-99. <https://doi.org/10.21009/jimd.v11i2.6262>
- Putri, E. W. (2020). Politik Sebagai Jalan Kebahagiaan: Refleksi Filsafat Sosial dan Politik Islam Al-Farabi. *Jurnal Ilmiah Sosial Keagamaan (al-Fuad)* 4(1), 25-34. <https://ejournal.uinmybatangkar.ac.id/ojs/index.php/alfuad/article/view/1889/0>
- Syahminan, M. (2009). Madinah Al Munawarah Dan Masyarakat Madani (Civil Society). *Jurnal Ushuluddin* 36, 93-103. <http://repository.uinsu.ac.id/id/eprint/3297>
- Salleh, M. S. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh, M. S. (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Zebra Editions Sdn. Bhd.
- Sari, S. S. & Alfatah, A. I. (2021). Nilai-Nilai Pendidikan Tauhid Perspektif Syekh Ahmad Al-Marzuki Dalam Kitab Aqidatul Awam. *Jurnal Islam Nusantara*, 5(1), 102-116. <https://doi.org/10.33852/jurnalnu.v5i1.243>
- Tumin, M & Che Soh, M. (2020). Sumbangan Tradisi Barat Dan Islam Terhadap Idea Masyarakat Sivil. *Afkar*, 22(2), 77-118. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no2.3>
- Wan Mokhtar, W. K. A. (2016). Tasawur Pembangunan Dalam Kitab Sahih Al-Bukhariy: Kajian Al-Hadith Al-Mawdu'iy. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan), Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Wan Hassan, W. N. & Hanapi, M. S. 2014. Analisis Acuan Indeks Pembangunan. *Global Journal al-Thaqafah*, 4(1), 113-126. <http://dx.doi.org/10.7187/GJAT592014.04.01>
- Yaacob, N. H. (2013). Original Articles Muslim Intellectuals and the Idea of Madani (Civil) Society Formation in Indonesia and Malaysia, 1990s-2000s. *Journal of Applied Sciences Research*, 9(6), 3468-3475. <https://www.aensiweb.com/old/jasr/jasr/2013/3468-3475.pdf>
- Yahaya, N. F. & Hanapi, M. S. (2020). Humankind as Actors of Development According to the Al- Qur'an. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*, 10(4), 627-634. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v10-i4/7161>